



YAYASAN WAQAF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

MAJLIS PENYERAHAN CEK SUMBANGAN WAKAF

Putrajaya, 24 Mac 2021 – Pada hari ini, pihak AmanahRaya Berhad Cawangan Shah Alam telah menyerahkan cek sumbangan wakaf bernilai RM27,513.44 kepada Yayasan Waqaf Malaysia untuk menyempurnakan hasrat pewasiat mereka yang telah meninggal dunia.

Yayasan Waqaf Malaysia sebagai salah sebuah badan peneraju dalam pembangunan wakaf telah dipilih oleh waris pewasiat untuk menerima sumbangan wakaf ini. Sumbangan seumpama ini kepada Yayasan Waqaf Malaysia merupakan penyerahan kali kedua, di mana sebelum cawangan ini juga telah menyerahkan cek sejumlah RM35,000.00 bagi tujuan wakaf.

Menerusi kerjasama ini, pewasiat boleh memilih Yayasan Waqaf Malaysia sebagai benefisiari di mana sebahagian hartanya boleh diwakafkan tidak melebihi 1/3 daripada hartanya setelah berlaku kematian. Bagaimanapun, ia tertakluk kepada rukun dan syarat wasiat. Semua dana wakaf yang diserahkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia akan diurus sebagaimana dihasratkan selaras dengan rukun dan syarat wakaf.

KEHADIRAN MAJLIS PENYERAHAN

1. Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia

2. Puan Azmeen binti Zahari
Ketua AmanahRaya Cawangan Shah Alam
3. Puan Roslina Md Derus
Pengurus Kawasan Wilayah dan Ketua Cawangan AmanahRaya
Kuala Lumpur

UNTUK HEBAHAN

1. Ayuh semua rakyat Malaysia bersama-sama:
 - berwakaf tunai di Yayasan Waqaf Malaysia melalui pautan www.ywm.gov.my
 - menyumbang ke Tabung Musa'adah Covid19 JAKIM-YWM di akaun CIMB Islamic Bank Berhad (no akaun 8602218186)

Pertanyaan lanjut boleh hubungi Cik Haidatul Azia binti Husin di talian 019-3883395

Yayasan Waqaf Malaysia
24 Mac 2021